

## KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi perkara berikut:


Bil	No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Lesen Pendaftaran	Tempat, Tarikh & Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Tutup Sebut Harga
1.	<b>UTeM096/ PERALATAN SUKAN/ 2015</b>	<b>SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERALATAN MEMANAH UNTUK PUSAT SUKAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA</b>	Kementerian Kewangan Malaysia:  Kod Bidang : <b>030501</b> <b>(Peralatan Sukan)</b>	Unit Perolehan Pej. Bendahari Bangunan Canselori Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka  <b>1 Julai 2015 Hingga 9 Julai 2015</b>	Unit Perolehan Pej. Bendahari Bangunan Canselori Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka  <b>10 Julai 2015 (sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari)</b>

2. Naskah Meja Sebut harga akan dipamerkan mulai **1 Julai 2015** hingga **10 Julai 2015** semasa waktu pejabat seperti berikut :

Hari	Waktu	Tempat
<b>Isnin hingga Khamis</b>	8.30 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang	Unit Perolehan Pejabat Bendahari Bangunan Canselori Universiti Teknikal Malaysia Melaka
<b>Jumaat</b>	8.30 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang.	Hang Tuah Jaya 76100 Durian Tunggal Melaka.

3. Dokumen Sebut Harga ini akan dikeluarkan dan dijual **1 Julai 2015** mengikut waktu-waktu seperti yang tersebut di perenggan 2 di atas sehingga **9 Julai 2015** dengan bayaran **RM 10.00** senaskah secara **Tunai / Wang Pos/ Kiriman Wang / Bank Draf** atas nama **Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka**. Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan selepas tempoh ini tamat.
4. Sila bawa bersama Sesalinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia semasa membeli sebut harga ini.(Salinan tidak akan dikembalikan)
5. Semua pembekal dimestikan berdaftar dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan melayari laman web UTeM Sistem Pendaftaran Syarikat (ROC) di <http://portal.utem.edu.my/icim/>. Borang Perakuan pendaftaran syarikat lengkap dengan profil syarikat hendaklah dihantar semasa mengemukakan dokumen Sebut Harga.

6. Sebut Harga ini akan ditutup pada **10 Julai 2015** . Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Bangunan Canselori, Kampus Induk, Durian Tunggal, Melaka**, tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada hari tersebut. Sebarang kelewatan tidak akan diterima.
7. Iklan Sebut Harga ini boleh dilayari melalui laman web kami di <http://www.utm.edu.my/perolehan/perolehan.html>. keterangan lanjut sila hubungi Unit Perolehan.
8. Penghantaran Dokumen Sebut harga mestilah berbentuk 'hardcopy' yang dicetak dari cakera liut yang dijual dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang telah disediakan. Sebarang kelewatan tidak akan diterima.



(Peg. Unit Perolehan)

**KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHAR**  
Penolong Bendahari  
Pejabat Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**UNIT PEROLEHAN  
PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
TEL : 06 – 331 6091 / 6093 / 6322 / 6095  
FAKS : 06 – 331 6296**